

## Fiqh al-Maalat Berdasarkan Kaedah Wasīlah al-Wājib Wājibah: Teori dan Aplikasinya dalam Penentuan Hukum Syarak

### *[Fiqh al-Maalat Based on the Legal Maxim Wasīlah al-Wājib Wājibah: Its Theory and Application in Deriving Islamic Law]*

**Nik Faisal Nik Ismail** (Corresponding author)

*Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600, Perlis, Malaysia, nikkfaisal@unisiraj.edu.my*

**Basri Ibrahim**

*Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600, Perlis, Malaysia, bashim67@unisiraj.edu.my*

**Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asni**

*Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800, Pulau Pinang, Malaysia, fathullah@usm.edu.my*

Article  
Progress:

Submission date:  
25-11-2025  
Accepted date:  
29-12-2025

#### **ABSTRACT**

Artikel ini membincangkan prinsip Fiqh al-Maalat berdasarkan kaedah Wasīlah al-Wājib Wājibah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka keperluan Fiqh al-Maalat sebagai metode ijtihad semasa seterusnya menganalisis aplikasinya berdasarkan kaedah Wasīlah al-Wājib Wājibah. Kajian ini berbentuk kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis kandungan terhadap sumber-sumber tafsir, hadis, fiqh klasik, usul fiqh, fatwa semasa, dan pandangan ulama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah Wasīlah al-Wājib Wājibah mempunyai hubungan yang kuat dan peranan yang signifikan sebagai salah satu prinsip penting dalam pendekatan Fiqh al-Maalat dengan memberikan penumpuan kepada aspek mekanisme dan sarana agar setiap keputusan atau polisi yang dilaksanakan memberikan implikasi positif selaras dengan objektif syarak iaitu menghasikan kemaslahatan atau menghindarkan kemudaratannya. Artikel ini menyimpulkan bahawa pemahaman yang mendalam terhadap prinsip ini dapat memperkukuh kerangka ijtihad dalam menghadapi pelbagai isu kontemporari yang semakin mencabar.

**Keywords:** *al-maalat, ijtihad, mekanisme, kemaslahatan, kemudaratannya*

## 1. PENDAHULUAN

Syariat Islam bertujuan untuk menjamin kebaikan manusia sejagat dalam kehidupan di dunia mahu pun akhirat, keperluan semasa mahu pun akan datang. Oleh kerana itu, setiap hukum syarak memiliki tujuan dan manfaat yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Kitab suci Al-Quran pula menjadi sumber primer di samping Hadis sebagai penegasan, huraian, pengkhusus,

pengikat dan penentu hukum yang tidak disebutkan oleh Al-Quran (Abu Malih, 2016; al-Qattan, 2001). Setelah berlalunya zaman wahyu, para ulama telah memperkenalkan pelbagai lagi sumber sekunder penentuan hukum dalam Islam terutama dalam isu-isu kontemporari yang tidak mempunyai penjelasan secara terperinci dan jelas dalam Al-Quran mahupun Hadis seperti kaedah *al-Masalih al-Mursalah*, *al-Istihsan*, *al-Istishab*, *Sad al-Zarai'*, *'Urf al-Soleh*, *'Amal Ahli al-Madinah* dan lain-lain (Zaidan, t.t). Kesemua sumber hukum yang ada sama ada sumber primer atau sekunder memiliki kedudukan yang sangat penting dalam bidang penentuan hukum dan ijtihad bagi memastikan bahawa hukum yang diberikan adalah konsisten dengan prinsip-prinsip Islam dan relevan dengan konteks masyarakat semasa.

Konsep *al-Maalat* pula merupakan salah satu metode ijtihad semasa yang telah diperkenalkan bagi memastikan tercapainya *maqasid* (tujuan) sebenar sesuatu hukum yang dikehendaki oleh syarak. Ia merupakan salah satu konsep yang wujud hasil daripada tahap prosedur penentuan hukum berdasarkan pertimbangan yang tertentu. Pertimbangan tersebut adalah sesuai dengan *Maqāṣid al-Syari'ah* (tujuan utama daripada syariat) bagi kemaslahatan manusia di dunia mahupun di akhirat (al-Shaṭibi, 1997). Menurut Farid al-Ansāri (2004) penilaian *al-Maalat* adalah satu prinsip umum yang menuntut pertimbangan sewajarnya terhadap kesan daripada sesuatu tindakan undang-undang yang dikuatkuasakan, kerana itu adalah menjadi tanggungjawab pihak pemerintah untuk menilai secara menyeluruh akibat daripada sesuatu polisi dan undang-undang yang akan dilaksanakan ke atas masyarakat.

Kesimpulannya, kajian ini adalah bertujuan menjelaskan konsep *Fiqh al-Maalat* dan kaitannya dengan kaedah *wasilah al-wājib wājibah* sebagai salah satu prinsip penting dalam penentuan hukum-hukum syarak.

## 2. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Antara kajian akademik berkaitan *Fiqh al-Maalat* ialah kajian oleh Fathullah Asni et al., (2023) berkaitan *Perbezaan Pendapat Mengenai Tawarruq di Kalangan Penasihat Syariah Malaysia: Satu Analisis dari Perspektif Ma'alat*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu yang dipertikaikan berkenaan *tawarruq munazzam* (*tawarruq* yang tersusun) yang diamalkan di Malaysia berdasarkan maqasid Shariah (objektif undang-undang Islam). Secara terperinci, para penyelidik mengaplikasikan prinsip *ma'alat* (akibat perbuatan) yang merupakan salah satu prinsip maqasid sebagai pendekatan untuk menangani isu yang dipertikaikan berkenaan *tawarruq*.

Metode kajian ini adalah berbentuk kualitatif berdasarkan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan perbezaan pandangan di kalangan informan mengenai kontrak *tawarruq munazzam* yang diamalkan oleh IFIs. Kajian mendapati kontrak *tawarruq munazzam* merupakan perkara yang dipertikaikan yang dapat diterima dalam disiplin Syariah. Walau bagaimanapun, jika perbezaan ini tidak diselesaikan dengan baik, ia mungkin memberi impak negatif kepada pihak berkepentingan industri. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian berdasarkan kaedah ma'alat. Oleh itu, kajian mendapati bahawa mengamalkan kontrak *tawarruq munazzam* dapat memberikan kesejahteraan yang lebih besar kepada pihak berkepentingan perbankan Islam berbanding dengan tidak mengamalkannya.

Selain itu, terdapat kajian berjudul *COVID-19: Analysing the Principle and Application of I'tibār Ma'ālāt in the Selected Fatwas Issued by the Malaysian National Council for Islamic Religious Affairs (MKI)* oleh Abdul Manan et al., (2023) yang menjelaskan bahawa teori *i'tibār ma'ālāt* oleh al-Shāṭibī boleh digunakan dalam menyelesaikan beberapa kebimbangan agama yang muncul, terutamanya, sekiranya berlaku wabak COVID-19 yang tidak dibincangkan oleh sarjana Islam terdahulu. Beberapa fatwa telah dikeluarkan di peringkat kebangsaan dan juga negeri di Malaysia bagi membendung pandemik ini. Dalam kajian kualitatif ini, beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah dipilih untuk menganalisis prinsip dan aplikasi *i'tibār ma'ālāt* yang diwarisi di dalamnya. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif ini di mana beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah dipilih untuk menganalisis prinsip dan aplikasi *i'tibār ma'ālāt* yang diwarisi di dalamnya. Dapatn kajian ini telah berjaya mencari prinsip dan aplikasi *i'tibār ma'ālāt* yang diaplikasikan secara tersirat dan tersurat dalam setiap fatwa yang dipilih. Tambahan pula, ini menunjukkan bahawa MKI telah berjaya melaksanakan prinsip ini dalam mengeluarkan fatwa bagi menjawab isu agama yang timbul.

Kajian seterusnya ialah *Konsep I'tibar al-Ma'ālāt Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa: Suatu Sorotan Awal* oleh Hekmatyar Lukman, et., al (2022) menyimpulkan bahawa konsep *I'tibar al-Ma'ālāt* merupakan konsep yang dikembangkan daripada konsep maqāsid syari'ah dan *istiqra'*. Prinsip utama konsep ini adalah penetapan hukum sesuatu perbuatan itu berdasarkan pertimbangan akibat yang timbul daripada perbuatan mukalaf. Kajian kualitatif ini menggunakan metod deskriptif komparatif dengan merujuk kepada sumber kepustakaan yang

mengkaji tentang konsep *I'tibar al-Ma'ālāt*. Hasil kajian mendapati konsep *I'tibar al-Ma'ālāt* signifikan dalam proses ijtihad hukum Islam yang dilakukan secara komprehensif. Kajian ini juga mendapati perkaitan erat diantara konsep berdasarkan *istiqra* 'ini dengan kaedah-kaedah lain dalam kerangka hukum Islam.

Jika disoroti secara umum terhadap kajian-kajian lepas, kebanyakan lebih tertumpu kepada perbahasan berkaitan *Fiqh al-Maalat* secara umum. Oleh itu, penulis berhasrat melengkapkan kelompangan yang ada dengan menumpukan kajian terhadap salah satu prinsip *Fiqh al-Maalat* secara khusus dari sudut teori dan aplikasinya dalam penentuan hukum-hukum syarak serta kaitan prinsip tersebut dengan metode ijtihad semasa yang sedang dibincangkan.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif berdasarkan kerangka kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Pengumpulan data adalah dengan merujuk kepada buku-buku tafsir, sunnah, kitab-kitab *fiqh* klasik, *usul fiqh*, fatwa, pandangan ulama Islam kontemporari dan penelitian kandungan. Data-data yang dikumpulkan dianalisis dan dihuraikan dengan menggunakan metode deduktif dan deskriptif bagi mendapatkan natijah yang sesuai dan selaras dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

## 4. DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

### 4.1 KONSEP FIQH AL-MAALAT MENURUT SYARAK

Bahagian ini menghuraikan definisi dan kepentingan Fiqh al-Maalat menurut syarak.

#### 4.1.1 Definisi Fiqh al-Maalat.

Istilah *Fiqh al-Maalat* merupakan salah satu bentuk pendekatan ijtihad semasa yang dibincangkan oleh para sarjana dan pengkaji kontemporari dengan pelbagai definisi yang telah dicadangkan, antaranya ialah definisi yang dicadangkan oleh Uthman Syibir (2004) definisi beliau ialah memastikan kesesuaian hukum syarak dengan aplikasi realiti semasa yang tidak membawa kepada akibat tidak dijangka pada masa hadapan yang bercanggah dengan objektif syarak. Manakala Abdul Rahman Sudais (2006) mencadangkan definisi lain iaitu menghukum ke atas petunjuk awal perbuatan dengan membandingkan implikasinya. Walid al-Husain (2008) pula berpendapat ia merujuk kepada pertimbangan terhadap implikasi yang dibawa oleh hukum

hakam ketika pelaksanaannya dengan perkara yang menepati objektif syarak, sementara al-Jumaili (2016) pula mendefinisikannya sebagai analisis seorang mujtahid terhadap kesan dan wasilah ketika menetapkan sesuatu hukum syarak berdasarkan objektif syarak, dan definisi oleh Lukman et.al (2022) yang menegaskan bahawa istilah *al-maalat* merujuk kepada penetapan hukum sesuatu perbuatan berdasarkan pertimbangan akibat yang timbul daripada sesuatu perbuatan *mukallaf*.

Apa yang dapat disimpulkan melalui definisi-definisi di atas ialah walaupun lafaznya berbeza-beza, namun semua definisi selari dari segi maksud iaitu keperluan menilai implikasi setiap tindakan ketika ingin mengeluarkan hukum sama ada ia membawa kepada manfaat atau mudarat. Ini bertujuan memastikan aplikasi hukum dalam realiti selari dengan tujuan sebenar pensyariaan hukum tersebut.

Kesimpulannya, *Fiqh al-Maalat* boleh didefinisikan sebagai satu bentuk penelitian dan analisis seorang mujtahid terhadap implikasi dan kesan daripada penetapan hukum-hukum syarak dengan mengambil kira Maqasid Shariah.

#### 4.1.2 Kepentingan Fiqh al-Maalat.

Dalam penentuan hukum syarak, pendekatan *Fiqh al-Maalat* memainkan beberapa peranan yang sangat penting antaranya ialah:

##### 1. Memelihara Maqasid Melalui *Wasā'il*

Antara ciri pendekatan *Fiqh al-Maalat* adalah mengambil kira *wasā'il* iaitu mekanisme dan sarana yang digunakan bagi mencapai Maqasid Shariah. Justeru itu, dapat dilihat berlakunya perubahan hukum syarak pada sebahagian perkara yang pada asalnya tidak dilarang, kemudian ia dilarang berdasarkan penilaian terhadap kesannya dari sudut memelihara dan menghasilkan sesuatu *maslahah* atau menghindari sesuatu *mafsadah*. Sebagai contoh, larangan syarak terhadap perbuatan meminang seorang wanita yang masih dalam tempoh idah perceraian walaupun secara kiasan kerana kesannya akan menyebabkan berlaku *al-isti'jal* (kegopohan) wanita tersebut menerima pinangan dalam tempoh yang tidak dibenarkan oleh syarak dan juga menjaga hak suaminya yang masih hidup untuk merujuk semula. Namun pada masa yang sama larangan perbuatan meminang secara kiasan tidak berlaku ke atas wanita yang sedang beridah kerana

kematian suami kerana implikasinya yang berbeza dalam kedua-dua hal tersebut. Ini sebagaimana firman Allah s.w.t,

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ أَوْ أَكْتَنْتُمْ فِي أَنْفُسِكُمْ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ وَلَكِنْ لَا تُوَاعِدُوهُنَّ سِرًّا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا وَلَا تَعْزُمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّى يَبْلُغَ الْكِتَابَ أَجَلَهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي أَنْفُسِكُمْ فَاحْذَرُوهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَفُورٌ حَلِيمٌ

Maksudnya:

*Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu lakukan (secara sindiran), untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam idah), atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut atau mengingati mereka, (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka di dalam sulit, selain dari menyebutkan kata-kata (secara sindiran) yang sopan. Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis idah yang ditetapkan itu. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada dalam hati kamu, maka beringat-ingatlah kamu akan kemurkaannya, dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar (Al-Baqarah (2): 235).*

## 2. Menutup Jalan Yang Membawa Kepada Kerosakan

Dalam pendekatan *Fiqh al-Maalat*, semua jalan yang membawa kepada terhasilnya *mafsadah* mesti ditutup. Hal ini dapat dilihat secara jelas dalam beberapa penetapan hukum syarak. Antaranya ialah sabdaan nabi s.a.w kepada Aisyah r.a dalam sebuah hadis,

يا عائشة لولا أن قومك حديثو عهد بجاهلية، لأمرت بالبيت فهدم، فأدخلت فيه ما أخرج منه وألزقته بالأرض وجعلت له بابين، بابا شرقيا وبابا غربيا، فبلغت به أساس إبراهيم

Maksudnya:

*Wahai Aisyah, kalaulah bukan kerana kaummu baru sahaja meninggalkan jahiliah (memeluk Islam), nescaya aku akan perintahkan supaya Kaabah dirobohkan. Aku akan masukkan semula bahagian yang dikeluarkan (dari asal binaan Ibrahim), ratakannya ke tanah, dan buat dua pintu: timur dan barat. Dengan itu, aku menyamakannya dengan asas binaan Ibrahim. (al-*

Bukhari, Kitab al-haj, Bab hadmu al-ka'bah, No. Hadis: 1583; Muslim, Kitab al-Hajj, Bab naqḍ al-ka'bah wa binā'uha, No. Hadis: 2370).

Berdasarkan hadis ini, dapat difahami keengganan nabi s.a.w untuk membina semula Kaabah mengikut asas binaan asal yang telah dilaksanakan oleh nabi Ibrahim a.s adalah mengandungi *maslahah* yang kuat iaitu agar tindakan yang diambil tidak menjauhkan atau memalingkan hati-hati golongan yang masih baru memeluk Islam daripada ajaran Islam (al-'Izz, 1991; al-Subkī, 1991). Tambahan pula, Ibn Taimiyyah (t.t) menegaskan *maslahah* menjinakkan hati manusia kepada agama Islam (*al-ta'īf fi al-dīn*) lebih besar daripada *maslahah* mengubah binaan Kaabah kerana itu binaannya dikekalkan pada ketika itu. Menurut al-Nawawi (1392 H) hadis tersebut menjadi sandaran kepada beberapa kaedah hukum antaranya ialah apabila berlakunya pertembungan antara *maslahah* dan *mafsadah* dalam situasi tidak mungkin boleh menggabungkan antara melakukan *maslahah* dan meninggalkan *mafsadah* pada masa yang sama. Hendaklah diutamakan yang lebih penting. Ini berdasarkan keputusan nabi s.a.w yang tidak merobohkan Kaabah untuk mengembalikannya kepada asas binaan nabi Ibrahim a.s walaupun tindakan tersebut mengandungi *maslahah*, kerana bimbang berlakunya *mafsadah* yang lebih besar iaitu fitnah dalam kalangan mereka yang baru memeluk Islam. Hal ini kerana wujud dalam kalangan mereka yang masih berpegang kuat kepada kepercayaan tentang kesucian Kaabah, sehingga perubahan binaannya dianggap perkara yang besar oleh mereka. Hal tersebut mungkin akan menimbulkan kekacauan dan fitnah, lalu nabi s.a.w. meninggalkan perubahan tersebut. Antara kaedah lain yang terbina daripada hadis tersebut juga adalah kewajipan pihak pemerintah mempertimbangkan *maslahah* rakyat dan menghindari apa-apa yang boleh mendatangkan mudarat kepada mereka sama yang membabitkan urusan agama atau dunia, kecuali dalam perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh syariat yang tidak boleh diubah.

## 4.2 Kaedah Wasilah Al-Wājib Wājibah Menurut Para Ulama

Bahagian ini membincangkan maksud kaedah *wasīlah al-wājib wājibah*, keabsahan kaedah serta aplikasinya menurut para ulama.

### 4.2.1 Maksud Kaedah Wasilah Al-Wājib Wājibah

Antara ulama yang telah menukulkan kaedah ini ialah al-Qarāfi, (1994) dan al-Dihlawi (1984). Ia berasaskan prinsip *sad al-zarī'ah* (langkah pencegahan) yang bertujuan menghindari kerosakan atau kemudaratan (al-Jumaili, 2016). Kaedah ini menetapkan bahawa sesuatu *wasilah* (sarana) akan mengambil hukum *maqṣad* (tujuan). Sekiranya sesuatu *wasilah* menjadi penyebab kepada

sesuatu perbuatan yang dilarang oleh syarak, *wasilah* tersebut turut mengambil hukum yang sama, iaitu haram. Sebaliknya, sekiranya sesuatu *wasilah* menjadi prasyarat bagi pelaksanaan sesuatu kewajipan, ia juga dikategorikan sebagai wajib (Ibn al-Laḥḥām, 1999; al-Nadwi, 1998; Samā'i, 2007).

Jelasnya, kaedah ini menjelaskan sesuatu yang tidak dapat dicapai sama ada secara rasional, adat kebiasaan, atau ketetapan syarak, melainkan dengan adanya wasilah atau sarana tertentu, maka wasilah tersebut mengambil hukum yang sama dengan matlamat akhirnya. Dengan kata lain, apabila sesuatu perkara wajib tidak dapat direalisasikan tanpa pelaksanaan wasilah tertentu, wasilah tersebut turut menjadi wajib. Secara umumnya, wasilah boleh dibahagikan kepada dua kategori seperti berikut:

1. *Wasilah* yang berada di luar kemampuan *mukallaf*.

Contohnya perbuatan membasuh tangan hingga siku ketika berwuduk bagi orang yang tiada tangan kerana cacat atau telah dipotong dan perbuatan berdiri dalam solat bagi mereka yang tidak mampu. Dalam situasi ini, tiada khilaf dalam kalangan para ulama bahawa perbuatan membasuh tangan hingga siku atau berdiri dalam solat tersebut adalah tidak wajib dan boleh digantikan dengan yang lain seperti membasuh mana-mana bahagian tangan yang masih ada dan solat dalam keadaan duduk (al-Āmīdi, 2016; al-Juday'i, 1997).

2. *Wasilah* yang berada dalam kemampuan *mukallaf*.

Contohnya perbuatan membasuh pakaian yang terkena najis bagi membolehkan seseorang menunaikan solat dalam keadaan suci dan menahan diri daripada makan dan minum sepanjang siang hari bagi menyempurnakan ibadat puasa. Wasilah kategori ini sebahagiannya disebut secara khusus dalam nas seperti kewajipan wuduk dan niat untuk melaksanakan ibadat solat dan telah menjadi satu perkara yang disepakati dalam kalangan para ulama. Manakala sebahagian lagi pula tidak disebut secara khusus di dalam nas. Justeru wasilah jenis inilah yang menjadi perbincangan dan khilaf dalam kalangan para ulama (al-Āmīdi, 2016; al-Juday'i, 1997).

Dalam disiplin ilmu *Usul Fiqh*, kaedah *wasilah al-wājib wājibah* dirujuk oleh kebanyakan sarjana sebagai *Muqaddimah al-Wājib* (al-Subkī, 1991; al-Subkī, 1999). Sebahagian pula menamakannya sebagai *Fath al-Zarā'i* (al-Qarāfī, 1994), atau *Lāzim al-Wājib Wājibun* (al-Subkī, 1991), atau *al-Mūṣil ila al-Wājib Wājibun* (Ibn Amīr al-Ḥājj, 1318H; Amīr Bādshāh, 1996).

Sebahagian lain pula mengibaratkannya dengan kaedah *Mā La Yatimmu al-Wājib Illa Bihi Fahuwa Wājibun* (al-Sulamī, 2005; al-Subki, 1991; Ibn al-Laḥḥām, 1999) atau *Ma La Yatimmu al-Amr Illa Bihi Yakūn Ma'mūran Bihi* (al-Mārdīnī, 1999). Di sisi sebahagian lain pula konsep ini dibincangkan di bawah kaedah *al-Iḥṭiyāt* (Ibn 'Āshūr, 2004) serta beberapa lagi istilah lain yang berkaitan. Dari sudut persamaan hukum di antara *wasilah* dan *maqṣad* (sesuatu perintah syarak yang menjadi matlamat dalam pelaksanaan), para ulama *Usul Fiqh* berbeza pendapat dalam hal ini. Sebahagian mereka menganggap *wasilah* mengambil hukum yang sama dengan *maqṣad* secara mutlak dalam semua keadaan, manakala sebahagian yang lain pula menetapkan hukum *wasilah* bergantung kepada kekuatan *maslahah* (al-Jumaili, 2016).

Dalam kalangan ulama yang menetapkan persamaan hukum *wasilah* dengan *maqṣad* secara mutlak adalah al-Qarafi (1991). Beliau menegaskan sebagaimana *wasilah* kepada yang haram dihukumkan sebagai haram, demikian juga *wasilah* kepada yang wajib dihukumkan sebagai wajib. Contohnya perjalanan ke masjid bagi menunaikan Solat Jumaat atau Haji dianggap sebagai suatu keperluan yang bersifat wajib kerana ia merupakan *wasilah* kepada tuntutan syarak. Begitu juga *wasilah* kepada *maqṣid* yang paling utama dihukumkan sebagai *wasilah* yang paling utama, *wasilah* kepada *maqṣid* yang paling rendah dihukumkan sebagai *wasilah* paling rendah. Demikian juga *wasilah* kepada *maqṣid* yang pertengahan dihukumkan sebagai *wasilah* pertengahan. Al-Āmidī (2016) pula berpendapat telah menjadi kesepakatan para ulama mazhab Shafii dan *al-mu'tazilah* kewajipan sesuatu *wasilah* bergantung kepada kemampuan *mukallaf* (individu yang tertaklif dengan hukum syarak). Dengan kata lain selagi mana perkara tersebut mampu dilaksanakan. Menurut al-Mardāwi (1955) pendapat yang sahih dalam mazhab Imam Ahmad dan tokoh *al-hanabilah* demikian juga tokoh *al-shafi'iyah* bahkan majoriti ulama bahawa *wasilah* kepada perkara yang wajib dihukumkan sebagai wajib apabila ia mampu dilaksanakan. Hisyam al-Burhāni (2007) ketika menjelaskan perkara ini menegaskan bahawa pendapat yang benar adalah hukum sesuatu *wasilah* tidak boleh diputuskan secara automatik berdasarkan hukum *maqṣad*nya sahaja. Hal ini kerana terdapat kaedah-kaedah lain yang turut mempengaruhi penentuan hukumnya.

Ibn al-Qayyim (1991) pula berpandangan apabila *maqṣid* syariah tidak dapat dicapai melainkan melalui sebab-sebab dan jalan-jalan tertentu, barulah semua sebab dan jalan tersebut turut mengambil kedudukan yang sama dengan *maqṣid*. Oleh itu, *wasilah* kepada perkara yang haram dan maksiat mengambil hukum yang sama, iaitu dilarang berdasarkan kadar keterlibatannya dalam mencapai matlamat tersebut. Sebaliknya, *wasilah* kepada ketaatan dan

kebajikan turut mengambil hukum yang sama, iaitu digalakkan dan diperintahkan, bergantung pada tahap keperluannya dalam merealisasikan matlamat tersebut. Oleh yang demikian, apabila Allah SWT mengharamkan sesuatu perkara, maka segala wasilah yang membawa kepadanya juga ditegah, ia bertujuan mengukuhkan larangan tersebut dan memastikan ia tercapai. Menurut al-Razi (1997) sesuatu *al-wājib al-mutlak* (kewajipan yang bersifat mutlak) yang tidak akan terlaksana melainkan dengan adanya wasilah tertentu, dan berada dalam ruang lingkup kemampuan seseorang *mukallaf*, wasilah tersebut menjadi wajib.

Kesimpulannya, jika diperhatikan kesemua perbezaan pandangan dalam kalangan para ulama bukanlah berkisar pada penerimaan atau penolakan terhadap prinsip kaedah yang sedang dibincangkan, tetapi tertumpu kepada persoalan sama ada kewajipan atau larangan ke atas sesuatu wasilah itu berlaku secara mutlak atau pun tidak.

#### 4.2.2 Keabsahan Kaedah *Wasilah al-Wājib Wājibah*

Dari sudut kehujahan dan pendalilan, menurut al-Juwaini (1997) tidaklah sukar untuk membawa nas dan justifikasi bagi mengukuhkan kaedah ini. Sebagai contoh keperluan kepada wuduk dan bersuci bagi mendirikan solat. Oleh kerana solat tidak dapat dilaksanakan tanpa bersuci, maka wuduk dan bersuci menjadi wajib sebagai wasilah kepada kewajipan solat. Perintah supaya dilaksanakan solat turut mengandungi perintah supaya berwuduk dan bersuci. Demikianlah juga keseluruhan syarat ibadat yang lain dalam Islam. Hal ini kerana tidak mungkin *al-masyūr* (sesuatu yang mengandungi syarat) dapat dicapai dengan mengabaikan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Dalam perbincangan ini, salah satu dalil yang sering dirujuk ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'īd al-Khudri r.a. Beliau menyatakan:

لما بلغ النبي صلى الله عليه وسلم عام الفتح مرّ الظهران فأذننا بلقاء العدو، فأمرنا بالفطر،  
فأفطرنا أجمعون

Maksudnya:

*Ketika Rasulullah S.A.W menerima berita mengenai kedatangan musuh pada tahun pembukaan kota Makkah, kami sedang berpuasa. Baginda lalu memerintahkan kami untuk berbuka, kemudian kami semua pun berbuka. (Tirmizi, kitab al-jihad 'an Rasulillah s.a.w, bab mā jā 'a fi al-fitr 'inda al-qatl. No. 1684).*

Pada asasnya, perbuatan berbuka puasa bagi individu yang sedang bermusafir adalah suatu perkara yang harus. Namun, dalam konteks jihad, berbuka puasa menjadi suatu kewajipan kerana pelaksanaan jihad memerlukan tenaga yang mencukupi. Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w memerintahkan para sahabat berbuka memandangkan tenaga diperlukan untuk menghadapi musuh dalam situasi tersebut. Ia merupakan wasilah yang wajib dilaksanakan kerana sesuatu kewajipan yang tidak dapat disempurnakan melainkan dengan sesuatu perkara, maka perkara itu turut menjadi wajib.

#### 4.2.3 Aplikasi Kaedah *Wasilah al-Wājib Wājibah*

Antara contoh aplikasi kaedah ini dalam hukum-hukum *fiqh* ialah;

1. Berusaha ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat adalah wajib, maka meninggalkan aktiviti jual beli kerana menghadiri solat Jumaat juga menjadi suatu kewajipan (al-Nafrāwi, 1995; al-Suyuti, t.t).

Solat Jumaat merupakan suatu kefarduan dan usaha untuk menghadirinya juga menjadi suatu kefarduan. Menurut Ibn ‘Abd al-Bar (2000) berjual beli dan segala bentuk aktiviti yang menghalang atau menyibukkan seseorang daripada bersegera menunaikan solat Jumaat apabila telah dilaungkan azan adalah ditegah dan dilarang.

2. Apabila seseorang terlupa solat lima waktu, kemudian ragu-ragu atau tidak pasti solat yang mana satu, hendaklah mengqada keseluruhan solat lima waktu (al-Subki, 1991).

Menurut al-Rāzi (1999) sekiranya seseorang meninggalkan salah satu daripada solat lima waktu, kemudian dia tidak pasti atau terlupa solat yang mana satu yang ditinggalkan itu, maka dia hendaklah mengqada keseluruhan solat lima waktu. Hal ini kerana keyakinan tidak akan terhasil dengan wujudnya keraguan atau kesamaran terhadap solat yang terlupa tersebut melainkan dengan cara melaksanakan keseluruhan solat lima waktu. Justeru, perbuatan orang tersebut mengqada keseluruhan solat dalam situasi sedemikian adalah bertujuan memastikan telah terlaksana kewajipan yang telah diabaikan.

#### 4.3 Kaitan Kaedah *Wasilah al-Wājib Wājibah* Dengan *Fiqh al-Maalat*

Daripada perbincangan terdahulu, dapat difahami wasilah merupakan cabang daripada pendekatan *I'tibār al-Ma'āl* (pertimbangan implikasi). Hal ini kerana *wasilah* pada hakikatnya bukanlah tujuan sebenar yang ingin dicapai. Ia merupakan instrumen yang membawa kepada tercapainya sesuatu tujuan. Dalam hal ini, terdapat kaedah *fiqh* yang berkaitan iaitu *anna al-asbāb maṭlūbah li ahkāmihā la li a'yānihā* (sebab-sebab adalah diwajibkan kerana hukum yang berkaitan dengannya, bukan kerana zatnya sendiri). Menurut al-Shātibī (2001) wasilah bukanlah menjadi tujuan secara tersendiri. Ia merupakan pengikut kepada *maqasid* (perkara yang menjadi tujuan sebenar dalam pelaksanaan hukum). Oleh itu, sekiranya *maqasid* digugurkan maka wasilah turut tergugur. Demikian juga jika *maqasid* boleh dicapai tanpa memerlukan wasilah tertentu maka wasilah tersebut tidak lagi diperlukan. Dengan kata lain, apabila tiada *maqasid* maka wasilah tidak lagi diambil kira.

Kesimpulannya, kaedah *wasilah wasilah al-wājib wājibah* mempunyai kaitan rapat dengan konsep *Fiqh al-Maalat* kerana kedua-duanya menekankan pertimbangan implikasi sesuatu tindakan atau perantaraan dalam mencapai *maqasid*. Wasilah tidak dilihat sebagai matlamat utama, sebaliknya berfungsi sebagai jalan atau alat untuk mencapai sesuatu tujuan syarak. Oleh itu, kewajaran atau keharusan sesuatu wasilah bergantung kepada kesan dan matlamat yang ingin dicapai.

## 5. KESIMPULAN

Pendekatan *Fiqh al-Maalat* yang berteraskan kepada kaedah *wasilah al-wājib wājibah* merupakan salah satu instrumen penting dalam penentuan hukum syarak. Melalui pendekatan ini, syariat Islam tidak hanya menilai tindakan berdasarkan zahirnya, tetapi turut mengambil kira kesan dan akibat yang bakal timbul. Kepekaan terhadap implikasi juga menjadi asas kepada pembentukan hukum yang lebih bersifat anjal dan pencegahan selaras dengan tujuan utama syariah iaitu memelihara *maslahah* dan menghindari *mafsadah*. Jelasnya, kaedah *wasilah al-wājib wājibah* dan *Fiqh al-Maalat* mempunyai hubungan yang kuat dengan mengambil kira pertimbangan implikasi daripada sesuatu perantaraan yang digunakan untuk mencapai sesuatu *maqasid*, kerana itu wasilah tidak boleh dianggap sebagai matlamat utama, sebaliknya ia berfungsi sebagai sarana atau alat untuk mencapai tujuan syarak yang sebenar.

Penerapan kaedah *wasilah al-wājib wājibah* juga membuktikan bahawa syariat Islam menitik beratkan aspek mekanisme atau wasilah yang membawa kepada terlaksananya sesuatu

hukum. Diharapkan kefahaman yang mendalam terhadap kaedah ini bukan sahaja dapat memperkukuhkan kefahaman terhadap hukum *fiqh*, malah membantu para ilmuwan, penggubal dasar dan umat Islam secara umum dalam membuat keputusan yang lebih berhikmah berasaskan nilai-nilai syariat yang *syumul* (menyeluruh) yang membuktikan syariat Islam adalah sentiasa relevan dan berkesan dalam menghadapi cabaran zaman yang dinamik.

## 6. RUJUKAN

Abu Malih, Rajab. (2016). Tarikh al-Tasyri' al-Islami. Maktabah al-Munatabbi.

al-Āmidī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad. (2016). al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām. Dār Ibn Ḥazm.

al-Anṣārī, Abu Yahya Zakaria. (1313H). Asnā al-Maṭālib fī Sharḥ Rawḍ al-Ṭālib. Dar al-Kitāb al-Islami.

al-Anṣārī, Farid. (2004). al-Mustalah al-Uṣulī ‘Inda al-Shatibi. International Institute of Islamic Thought: Kaḥerah.

al-Burhānī, Muḥammad Hishām. (2018). Sadd al-Dharā’i’ fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah. Dar al-Amal: Beirut.

al-Dihlawī, al-Shāh Waliyullah Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥīm. (1984). al-Inṣāf fī Bayān Asbāb al-Ikhtilāf. Dār al-Nafā’is.

al-Dihlawī, al-Shāh Waliyullah Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥīm. (t.t). ‘Aqd al-Jīd fī Aḥkām al-Ijtihād wa al-Taqlīd. al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah: Kaḥerah.

al-Husain, Walid bin ‘Alī. (2008). I’tibar Ma’ālāt al-Af’al Wa I’tibāruha al-Fiḥi. Dar al-Tadmuriyyah: Riyadh.

al-Juday‘ī, Abdullah bin Yusuf bin Yaakub. (1997). Taysīr ‘Ilm Uṣūl al-Fiḥ. Mu’assasat al-Rayyān: Beirut.

Al-Jumaili, Umar. 2016. Fiḥ al-Ma’ālāt Wa Qaḍāya al-‘Asr. Dar al-Nafa’is: Lubnan.

al-Jūwayni, Abdul Malik bin ‘Abdullāh bin Yūsuf. (1997). al-Burhān fī Uṣūl al-Fiḥ. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Juwaynī, Abdul Malik bin ‘Abdullāh bin Yūsuf. (t.t). al-Talkhīṣ. Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah: Beirut.

al-Khaṭṭābī, Abu Sulaiman Ḥamad bin Muhammad. (1932). Ma‘ālim al-Sunan: Sharḥ Sunan Abī Dāwūd. Percetakan al-‘Ilmiyyah.

al-Maqqarī, Muhammad bin Muhammad. (t.t.). al-Qawā’id. Markaz Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmī: Universiti Umm al-Qurā.

al-Mardāwī, ‘Abu al-Hasan Ali bin Sulaiman (1955). al-Inṣāf fī Ma‘rifat al-Rājiḥ min al-Khilāf. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

al-Mārdīnī, Muhammad ibn ‘Uthman. (1999). al-Anjum al-Zāhirāt ‘alā Ḥall Alfāz al-Waraqāt fī Uṣūl al-Fiqh. Maktabat al-Rushd.

al-Māwardī, ‘Ali bin Muhammad. (1999). al-Ḥawā’ al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī: wa-huwa Sharḥ Mukhtaṣar al-Muzanī. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Nadwi, ‘Ali Ahmad. (1998). al-Qawā’id al-Fiqhiyyah: Mafhūmuhā wa Nash’atuhā wa Tatawwuruhā wa Dirāsāt Mu’allaḥātuhā wa Adillatuhā wa Muhimmatuhā wa Taṭbīqātuhā. Dār al-Qalam.

al-Nafrāwī, Ahmad bin Ghamin bin Salim. (1995). al-Fawākih al-Dawānī ‘alā Risālat Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī. Dār al-Fikr.

al-Naisabūri, Muslim bin al-Ḥajjaj. (1955). Ṣaḥīḥ Muslim. Percetakan ‘Isā al-Bāb al-Ḥalabi wa-Shurakā’.

al-Qarāfī, Badr al-Dīn Muḥammad bin Yahya. (2004). Tawshīḥ al-Dībāj wa-Ḥilyat al-Ibtihāj. Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah: Kaherah

al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs. (1994). al-Dhakhīrah. Dār al-Gharb al-Islāmī.

al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs. (1998). Al-Furūq. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Qattan, Manna’ bin Khalil. (2001). Tarikh al-Tasyri’ al-Islami. Maktabah Wahbah.

al-Raisuni, Ahmad. (1995). Nazariyat al-Maqasid ‘Inda al-Imam al-Shatibi, International Institute of Islamic Thought: Kaherah.

- al-Rāzī, Abu Abdillah Muhammad Bin Abi Bakr. (1997). al-Maḥṣūl fī ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh. Mu’assasat al-Risālah.
- al-Razi, Abu Abdillah Muhammad Bin Abi Bakr. (1999). Mukhtar al-Sihhah. Al-Maktabah al-‘Asriyyah: Beirut
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. (1997). al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari’ah. Percetakan Mustafa al-Bāb al-Halabi: Kaherah.
- al-Shinqīṭi, Muhammad al-Amin. (2001). Mudhakkirah fī Uṣūl al-Fiqh. Percetakant al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Subkī , Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfī. (1991). al-Ashbah Wa Al-Nazo’ir. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Beirut.
- al-Subki, Syeikh al-Islam Ali bin Abd al-Kāfī, ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī . (1994). al-Ibhāj fī Sharḥ al-Minhāj. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Beirut.
- al-Subkī, Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfī. (1999). Raf‘ al-Ḥājib ‘an Mukhtaṣar Ibn al-Ḥājib. Percetakan ‘Ālam al-Kutub.
- al-Sulamī, ‘Iyadh bin Nāmi. (2005). Uṣūl al-Fiqh alladhī Lā Yasa‘u al-Faqīh Jahluh. Dār al-Tadmuriyyah: Riyadh.
- al-Suyūṭi, ‘Abd al-Raḥmān bin Abi Bakr. (1996). al-Dībāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim. Dār Ibn ‘Affān: Arab Saudi.
- al-Suyūṭi, ‘Abd al-Raḥmān bin Abi Bakr. (2014). Sharḥ Sunan Ibn Mājah bi-Miṣbāḥ al-Zujājah. Dār Ibn Ḥazm: Beirut.
- al-Suyūṭi, ‘Abd al-Raḥmān bin Abi Bakr. (t.t). al-Ashbāh wa al-Nazā’ir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Shāfi‘iyyah. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Beirut.
- al-Suyūṭi, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān ibn Abi Bakr. (1996). al-Dībāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim. Dār Ibn ‘Affān: Arab Saudi.

al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān ibn Abi Bakr. (2014). *Sharḥ Sunan Ibn Mājah bi-Miṣbāḥ al-Zujājah*. Dār Ibn Ḥazm: Beirut.

al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad Bin Isa. (2007). *Jami’ al-Tirmizi*. Darussalam: Riyadh.

Amīr Bādshāh, Muhammad Amin. (1996). *Taysīr al-Taḥrīr ‘alā Kitāb al-Taḥrīr fī Uṣūl al-Fiqh*. Dār al-Fikr.

Asni, Fathullah & Hasbulah, Muhamad Husni & Ahmad, Khalilullah Amin & Mohd Yusuf, Bibi Noraini & Mohammed Noor, Afiffudin. (2023). *Disagreement On Tawarruq Among Malaysian Shariah Advisors: An Analysis From Ma’alat Perspective*. *Journal Of Namibian Studies*.

Ibn ‘Abd al-Bar, Yūsuf bin ‘Abdullah bin Muḥammad. (1387 H). *al-Tamhīd Limā Fi al-Muwaṭṭa’ Min al-Ma’āni wa al-Asānīd*. Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Maghribi.

Ibn ‘Abd al-Bar, Yūsuf bin ‘Abdullah bin Muḥammad. (2000). *al-Istidhkār*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Laḥḥām, ‘Ala’ al-Din bin Muhammad bin ‘Abbas. (1999). *Al-Qawā’id wa al-Fawā’id al-Uṣūliyyah wa mā Yatba’uhā min al-Aḥkām al-Far’iyyah*. Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.

Ibn Amīr al-Ḥājj, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad. (1318 H). *al-Taqrīr wa al-Taḥbīr*. Percetakan al-Kubrā al-Amīriyyah

Ibn ‘Āshūr, Muhamammad al-Ṭahir. (2004). *Maqāṣid al-Sharī’ah al-Islāmiyyah* (Disemak oleh Muḥammad al-Ḥabīb Ibn al-Khūjah). *Wizārat al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah*.

Ibn Kathīr, Ismail ibn ‘Umar. (1998). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibrahim, Basri. (2023). *Fiqh Munakahat Ke Arah Pemantapan Keluarga Islam*. KUIPs Publisher: Perlis.

Ismail, Abdul Manan & Baharuddin, Ahmad Syukran. (2023). *COVID-19: Analysing the Principle and Application of I’tibār Ma’ālāt in the Selected Fatwas Issued by the Malaysian*

National Council for Islamic Religious Affairs (MKI). Intellectual Discourse. 31. 10.31436/id.v31i1.1779.

Jiddiyah, Umar. (2010). *Asl I'tibar al'Ma'āl Baina al-Nazoriyyah Wa al-Tatbiq*. Dar Ibn Hazim: Lubnan

Lukman, Hekmatyar & Abdul Aziz, Sumayyah & Ismail, Ahmad Faizol & Tengku Muda, Tengku Fatimah Muliana. (2022). *Konsep Itibar Al-Ma'alāt Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa: Suatu Sorotan Awal*. QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research. VOL.2 Issue 2.

Samā'i, Muhammad Umar. (2007). *Naẓariyyat al-Iḥtiyāṭ al-Fiqhī: Dirāsah Ta'ṣiliyyah Taṭbīqiyyah*: Dār Ibn Ḥazm.

Sudais, Abdul Rahman. (2006). *Qa'idat I'tibar al-Ma'alāt Wa al-Athar al-Mutarattibat 'Alaiha Fi al-Fiqh al-Islami Wa al-Qaḍaya al-Mu'āsoroh*. *Majallat al-Syariat Wa al-Qanun*: Kaherah. Article 1, Volume 32, Issue 32, July 2007, Page 11-158

Zaidan, 'Abd al-Karim. (t.t). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Muassasah Qurutbah: Kaherah.